

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

**NOVEMBER 2009**

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang di sediakan


oleh

**NORASHAZYRA BT RAZALI**

bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN SEBUAH RESTORAN RADIX FRIED CHICKEN di di LOT 32&33 BLOK 23  
B,JALAN KAKI BUKIT,KOMPLEKS PENGKALAN ASAM,  
01000 KANGAR PERLIS.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan :  4.11.09 En. Haris Hambali  
Koordinator Khusus : \_\_\_\_\_ Pn Azizah Md Ajis  
Koordinator Program : \_\_\_\_\_ Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa Abd. Rashid

## **ABSTRAK**

Laporan ini adalah mengenai cadangan merekabentuk ruang dalaman yang baru bagi restoran makanan segera Radix Fried Chicken Sdn Bhd. Radix Fried Chicken Sdn. Bhd. adalah satu subsidiari dibawah syarikat Hpa Sdn. Bhd. Tapak yang dicadangkan bagi projek restoran ini adalah di Kompleks Pengkalan Asam ,Kangar Perlis. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi mendapatkan satu rekabentuk yang benar-benar menepati kehendak klien dan pelanggan. Bagi menyiapkan laporan kajian ini beberapa kaedah telah digunakan antaranya melalui temubual bersama klien, kajian kes yang dilakukan terhadap beberapa restoran makanan segera yang lain, pencarian informasi dan bahan rujukan melalui internet dan majalah. Cadangan merekabentuk ruang dalaman yang baru bagi Restoran Radix Fried Chicken ini dilakukan adalah berdasarkan beberapa isu yang timbul selepas Radix Fried Chicken ini ditubuhkan iaitu yang pertama di Alor, Setar Kedah. Isu- isu yang berkaitan antaranya adalah restoran Radix Fried Chicken dikatakan mempunyai unsur-unsur dan elemen-elemen yang hampir sama dengan restoran Kentucky Fried Chicken. Antara unsur yang diperkatakan adalah dari aspek nama, skim warna, rekabentuk ruang, menu makanan, system perkhidmatan yang disediakan dan cara pengendalian restoran tersebut. Semasa menjalankan kajian bagi menyiapkan laporan ini beberapa masalah juga telah ditemui antaranya dari segi mendapat maklumat dari klien itu sendiri dan juga masalah terhadap bangunan yang dicadangkan dalam mendapatkan satu rekabentuk ruang yang sistematik dan selesa.

## MUKASURAT

|                               |                |
|-------------------------------|----------------|
| <b>Abstrak</b>                | <b>i</b>       |
| <b>Penghargaan</b>            | <b>ii</b>      |
| <b>Isi Kandungan</b>          | <b>iii - v</b> |
| <b>Senarai Rajah dan Foto</b> | <b>vi-ix</b>   |
| <b>Senarai Singkat Kata</b>   | <b>x</b>       |

## KANDUNGAN

|                |                    |          |
|----------------|--------------------|----------|
| <b>BAB 1.0</b> | <b>PENDAHULUAN</b> | <b>1</b> |
| 1.1            | PENGENALAN         | 2        |
| 1.2            | METODOLOGI KAJIAN  | 4        |
| 1.3            | MATLAMAT KAJIAN    | 5        |
| 1.4            | OBJEKTIF KAJIAN    | 5        |
| 1.5            | SKOP KAJIAN        | 6        |
| 1.6            | HALANGAN KAJIAN    | 7        |
| 1.7            | KEPENTINGAN KAJIAN | 7        |

|                |                              |           |
|----------------|------------------------------|-----------|
| <b>BAB 2.0</b> | <b>KLIEN</b>                 | <b>8</b>  |
| 2.1            | LATARBELAKANG                | 8         |
| 2.2            | CARTA ORGANISASI             | 9         |
| 2.3            | VISI DAN MISI KLIEN          | 10        |
| 2.4            | IMEJ KORPORAT KLIEN          | 11        |
| <br>           |                              |           |
| <b>BAB 3.0</b> | <b>KAJIAN DAN ANALISA</b>    | <b>15</b> |
| 3.1            | ANALISA TAPAK                | 16        |
| 3.2            | ANALISA BANGUNAN DICADANGKAN | 28        |
| 3.3            | RUMUSAN                      | 47        |
| <br>           |                              |           |
| <b>BAB 4.0</b> | <b>KAJIAN KES</b>            | <b>48</b> |
| 4.1            | KAJIAN KES 1                 | 49        |
| 4.2            | KAJIAN KES 2                 | 62        |
| 4.3            | KAJIAN KES 3                 | 70        |
| 4.4            | RUMUSAN KAJIAN KES           | 89        |

## **BAB 1.0 PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Laporan ini adalah mengenai cadangan skim rekabentuk dalaman yang baru bagi sebuah premis iaitu Radix Fried Chicken(RFC) yang akan dibuka di Kangar,Perlis.

RADIX FRIED CHICKEN SDN BHD (dikenali sebagai RFC) adalah sebuah syarikat milikan Bumiputera Islam. RFC merupakan subsidiari di bawah HPA Industries Sdn Bhd.Mula beroperasi pada 1 Jun 2008 di Lot 95 – 97, Jalan Lagenda Heights, Lagenda Heights 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman. Lokasi lain yang dirancang untuk pembukaan RFC adalah di Perlis , Kelantan & Terengganu. Selain daripada KFC kini RFC muncul dengan memberikan pilihan yang sangat menarik pada massa.Restoran yang dimiliki oleh HPA ini merupakan tonggak kebangkitan produk halal yang disokong oleh 400,000 orang ahli-ahlinya. Objektif syarikat adalah menyediakan pilihan makanan segera halal kepada umat Islam dan masyarakat secara umumnya,.RFC memilih keluarga sebagai sasaran utama dalam memfokuskan bisnesnya. Skop bisnesnya menjual produk makanan berasaskan ayam, kentang dan sayuran serta minuman yang penuh berkhasiat dan sesuai untuk semua lapisan umur.

Pembukaan Rfc ini telah menjadi pesaing terhebat Restoran Kentucky Fried Chicken(KFC) dan ia telah menimbulkan isu membabitkan penggunaan dari segi warna ,nama dan konsep yang menyamai KFC.